



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI BULAN MEI 2022

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) bagi Negara Brunei Darussalam bagi bulan Mei 2022. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas lebih 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana dan besar daripada 11 sektor ekonomi, dari semua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek, termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan; pelaburan; pengambilan pekerja; dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, ia boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk utama makroekonomi.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

| Nilai BSI | Ulasan |
|-----------|--|
| Atas 50 | Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |
| 50 | Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya |
| Bawah 50 | Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya |

4. Terdapat 9 sub-indeks di dalam BSI. **Sub-indeks Keadaan Perniagaan**, iaitu indeks utama BSI, adalah 50.0 bagi bulan Mei 2022. Ini menunjukkan bahawa keadaan perniagaan secara keseluruhan bagi bulan Mei 2022 dianggap hampir sama dengan bulan April 2022, dengan sentimen yang berlainan di kalangan perniagaan. Beberapa perniagaan berpandangan optimistik terhadap tahap pesanan/jualan; jumlah projek dan aktiviti perniagaan disebabkan pelbagai faktor seperti pelonggaran sekatan (termasuk pembukaan semula sempadan melalui udara); penyambungan semula operasi perniagaan; sambutan Hari Raya Aidilfitri; dan cuti penggal persekolahan. Sementara itu, sesetengah perniagaan pula mengongsikan sentimen pesimistik atas beberapa sebab. Ini termasuk prospek gangguan kepada hasil pengeluaran yang akan menjejaskan penjualan; pengurangan pendapatan memandangkan penduduk tempatan akan mula melancong ke luar negeri; serta tahap produktivi yang lebih rendah disebabkan oleh waktu kerja yang lebih singkat dengan beberapa hari kelepasan awam. Walau bagaimanapun, keadaan perniagaan dijangka akan meningkat pada bulan Jun 2022 memandangkan indeks bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan adalah 50.4.
5. **Sub-indeks Pelaburan** pula adalah 50.6 bagi bulan Mei 2022, 50.5 untuk satu bulan ke hadapan, dan 50.4 bagi tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan, para peniaga menjangka akan meningkatkan tahap pelaburan mereka pada bulan Mei 2022. Antara faktor-faktor yang dikongsikan

adalah pemerolehan projek-projek baharu dan peningkatan dalam aktiviti perniagaan. Beberapa responden juga mengongsikan rancangan untuk menambah inventori; membeli bahan mentah, peralatan, mesin dan kenderaan bagi syarikat; serta meluaskan atau menambah premis. Para peniaga juga merancang untuk meningkatkan tahap pelaburan pada bulan-bulan yang akan datang.

6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.1 bagi bulan Mei 2022, dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Ini menunjukkan bahawa, secara am, para peniaga merancang untuk menambah pekerja baharu pada bulan Mei 2022 dan bulan hadapan untuk mengganti pekerja yang telah meletak jawatan dan yang telah kembali ke negara asal. Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran sumber manusia seperti kesukaran untuk mengekalkan pekerja dan pengambilan pekerja asing.
7. **Sub-indeks Kos** adalah 49.9 bagi bulan Mei 2022, dan 50.2 bagi satu bulan ke hadapan. Secara am, perniagaan-perniagaan menjangka penurunan dalam kos perniagaan pada bulan Mei 2022 berbanding dengan bulan April 2022. Sub-indeks ini telah menurun di bawah paras 50 untuk kali pertama sejak Januari 2021. Ini antarlainnya disebabkan oleh pengurangan dalam tahap pengeluaran oleh syarikat-syarikat di bawah sektor Minyak dan Gas dan yang Berkaitan. Walau bagaimanapun, perniagaan-perniagaan dari sektor-sektor lain menjangkakan kos keseluruhan yang lebih tinggi disebabkan oleh kenaikan kos bahan mentah; kos bagi logistik dan pengangkutan yang tinggi; perbelanjaan tambahan untuk gaji pekerja-pekerja baru; dan pembelian tiket penerbangan bagi pekerja-pekerja asing yang akan kembali ke negara asal. Kos juga dijangka akan meningkat pada bulan Jun 2022 disebabkan oleh kekurangan bekalan yang berterusan.

| BSI Mei 2022 | |
|---|-------------|
| Keadaan Perniagaan | 50.0 |
| Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan | 50.4 |
| Pelaburan | 50.6 |
| Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan | 50.5 |
| Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan | 50.4 |
| Pengambilan Pekerja | 50.1 |
| Pengambilan Pekerja Satu Bulan Ke Hadapan | 50.2 |
| Kos Perniagaan Bulan Ini | 49.9 |
| Kos Satu Bulan ke hadapan | 50.2 |

8. Dari segi **sektor ekonomi**, 5 daripada 11 sektor mencatatkan sentimen optimistik. Kenaikan indeks tertinggi adalah di dalam sektor Pengangkutan dan Komunikasi, didorong oleh jangkaan bahawa perjalanan keluar negara akan meningkat dengan pembukaan semula sempadan melalui udara. Di samping itu, sektor Hotel dan Restoran menjangka tahap jualan akan meningkat dengan pelonggaran sekatan terhadap pengadaaan perhimpunan, acara dan majlis. Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan dan Ternakan juga turut mencatatkan sentimen optimistik. Sebaliknya, sektor Perkhidmatan Lain mencatatkan sentimen perniagaan yang pesimistik pada bulan Mei 2022 dengan jangkaan penurunan produktiviti dan aktiviti disebabkan oleh hari-hari kelepasan awam dan pengambilan cuti di kalangan pekerja dan pelanggan. Sementara itu, sektor-sektor lain seperti Minyak dan Gas dan yang Berkaitan, Pembuatan, Perdagangan Borong dan Runcit, Kewangan dan Insurans, dan Harta Tanah dan Pemilikan Kediaman telah melaporkan sentimen keadaan perniagaan yang hampir sama pada bulan Mei 2022 berbanding bulan sebelumnya.

| Keadaan Perniagaan Mei 2022 Mengikut Sektor | |
|---|------|
| Minyak & Gas dan yang Berkaitan | 50.0 |
| Pembuatan | 50.0 |
| Pembinaan | 50.1 |
| Perdagangan Borong & Runcit | 50.0 |
| Pengangkutan & Komunikasi | 50.9 |
| Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan | 50.3 |
| Kewangan & Insurans | 50.0 |
| Harta Tanah & Pemilikan Kediaman | 50.0 |
| Hotel & Restoran | 50.3 |
| Kesihatan & Pendidikan | 50.2 |
| Perkhidmatan Lain | 49.9 |

9. Dari segi indeks mengikut **saiz perniagaan**, perusahaan bersaiz sederhana dan besar berpandangan optimistik pada bulan Mei 2022. Ini disebabkan jangkaan bahawa tahap jualan dan keuntungan mereka akan meningkat pada musim perayaan serta peningkatan dalam jumlah projek. Sementara itu, peniaga bersaiz mikro dan kecil pula melaporkan sentimen keadaan perniagaan yang hampir sama pada bulan Mei 2022 berbanding bulan sebelumnya.

| Keadaan Perniagaan Mei 2022 mengikut Saiz | |
|---|------|
| Mikro | 50.0 |
| Kecil | 50.0 |
| Sederhana | 50.2 |
| Besar | 50.1 |

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah seperti di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik dalam laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 1 Zulhijjah 1443H / 1 Julai 2022M

Ruj: BDCB/COMMS/3

LAMPIRAN 1


Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.


Pelaburan



Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Kadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.


Kos



Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.


Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos. Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.

BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Mei 2022



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.